

## KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SELAIN DI MASJID MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

*Permission To Establish Friday Prayers Other Than In Mosques According To Syariah  
Perspective*

<sup>1</sup>Mohd Noor Daud

<sup>#</sup>Siti Kausar Zakaria

Prof Madya Dr, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg. Malim, Perak,

email: [mohd.noor@fsk.upsi.edu.my](mailto:mohd.noor@fsk.upsi.edu.my)

(Dr) pensyarah di Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Pendidikan dan Kemanusiaan, UNITAR International University, Kelana Jaya,

email: [sitikausar.zakaria@unitar.my](mailto:sitikausar.zakaria@unitar.my)

\*(Corresponding author) e-mail: [mohd.noor@fsk.upsi.edu.my](mailto:mohd.noor@fsk.upsi.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis pandangan ulama mengenai hukum mendapatkan kebenaran pemimpin untuk mendirikan solat Jumaat, hukum mendirikan lebih satu Jumaat di satu-satu kampung dan hukum mendirikan Jumaat selain di masjid. Pendekatan kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data menggunakan kaedah kepustakaan manakala kaedah analisis data menggunakan kaedah perbandingan, analisis dan *istinbat*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ulama berbeza pandangan mengenai hukum meminta izin pemerintah untuk mendirikan solat Jumaat kepada dua pandangan iaitu pertama sunat meminta izin pemerintah dan kedua tidak perlu meminta izin pemerintah, hukum mendirikan lebih satu Jumaat juga terdapat dua pandangan iaitu boleh jika ada keperluan dan kedua dibolehkan walaupun tanpa keperluan, manakala hukum mendirikan solat Jumaat selain di masjid juga ulama mempunyai dua pandangan iaitu tidak sah melainkan di masjid dan kedua sah walaupun bukan di masjid selagi dalam sempadan kampung. Kesimpulannya, berdasarkan prinsip siasah syar'iyyah pemimpin boleh memilih mana-mana pandangan untuk diamalkan di sesebuah negeri atas pertimbangan kemaslahatan orang Islam. Kajian ini boleh dijadikan panduan hukum dalam membuat dasar mengenai perlaksanaan solat Jumaat di negeri-negeri di Malaysia.

**Kata Kunci:** Kebenaran, Solat Jumaat, berbilang Jumaat, Masjid

### ABSTRACT

This research aims to examine scholarly viewpoints regarding the need for leaders' permission to do *Juma'ah* prayers, the prohibition against performing multiple *Juma'ah* prayers in a village, and the law against performing *Juma'ah* prayers elsewhere other than a mosque. The qualitative method was employed in this investigation. The comparative approach, analysis, and *istinbat* were utilized in the library analysis data collection process. The study's findings

demonstrated that scholars' opinions on the requirement for people to seek permission from authorities in order to pray at *Juma'ah* differed from one another. First, it is suggested to ask leaders for approval; second, it is not necessary to ask them for permission. The law of performing more than one *Jumaah* prayer is likewise defended from two angles: it is acceptable in cases where there is a necessity, and it is permitted in cases where there isn't. There are two perspectives on offering the *Juma'ah* prayer outside of mosques: those that are valid only when offered at mosques and those that are valid outside of mosques as long as they are inside the boundaries of the village. As a conclusion, based on the Siasah *Syar'iyyah* principle of leadership, it is lawful for the state to choose any perspectives to be practiced while keeping Muslims' *maslahah*. This study can serve as a reference for developing policies on the implementation of *Juma'ah* prayer in various states in Malaysia.

**Keywords:** Permission, *Juma'ah* prayer, Multiple *Juma'ah* prayer, Mosque.

## PENDAHULUAN

Firman Allah SWT di dalam surah al-Jumu'ah ayat 9 yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ  
لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعَلَّمُونَ

**Maksudnya:** Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Surah al-Jumu'ah 14:9)

*Jumuat* dari sudut bahasa bermaksud berkumpul atau berhimpun. Ia boleh dibaca *Jumuah* bagi menggambarkan sifat hari jumat, Jum'at dan Jumaat.<sup>1</sup> Iaitu perbezaan baris pada huruf "mim" sama ada dibaca baris *Dhammah* "depan", *fathah* "atas" atau *sukun* "mati". Terdapat beberapa alasan kenapa dinamakan *jumat*, antaranya ialah kerana pada hari itu manusia akan berkumpul kerana terhimpun segala kebaikan padanya. Selain itu, adalah kerana Nabi Adam dan Hawa dikumpulkan (dipertemukan) atau kerana manusia dikumpulkan pada hari kiamat (hari jumaat).<sup>2</sup>

Hukum melaksanakan solat jumaat adalah wajib kepada mereka yang memenuhi syarat-syaratnya.<sup>3</sup> Antara dalil yang menunjukkan kewajipannya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah:

<sup>1</sup> Muḥammad bin Mukram bin ‘Alī, Abū al-Fadl, Jamāl al-Dīn Ibn Manzūr al-Anṣārī al-Ruwāya’fī al-Ifriqī. *Lisān al-‘Arab*. (Beirut: Dār Ṣādir, t.t). Bāb al-‘Ain, Faṣl al-Jim. 8:58, Majid al-Dīn Abū Tāhir Muhammād bin Ya’qūb al-Fairūz Ābādī. *Al-Qāmūs al-Muhiṭ*. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2005). Bāb al-‘Ain, Faṣl al-Jim, 917.

<sup>2</sup> Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Muḥammad ash-Shaybānī al-Jazarī ibn Athīr, *Nihāyah fī Ghariib al-Ḥadīth*, 1:297, Said bin Ali bin Wahf al-Qahtani, *Ṣolāh al-Jumu’ah fī Dau’i al-Kitāb wa al-Sunnah*, (t.t), 6.

<sup>3</sup> Alāuddīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaymān bin Aḥmad al-Mardāwī, *al-Insāf fī Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf*, 1:171, Abū Muḥamad Bin Aḥmad Bin Muḥamad Bin Qudāmah, *Al-Mughnī*. (Kaherah, Mesir: Maktabah Kaherah, 1969), 3:217, *al-Syarḥ al-Kabīr*, 5:160.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ  
لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

**Maksudnya:** Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Surah al-Jumu'ah 14:9)

Arahan untuk bersegera melaksanakan solat menunjukkan kewajipan melaksanakan solat itu iaitu solat jumaat. Tidak wajib bersegera melainkan kepada perkara yang wajib. Manakala larangan daripada berjual beli pula supaya manusia tidak sibuk dengannya sehingga lalai untuk solat jumaat. Jika hukumnya bukan wajib, maka tidak ada larangan dari berjual beli semata-mata untuk bersegera menunaikan solat Jumaat. Perkataan “السعى” dalam ayat ini bermaksud “pergi menghadiri” bukannya “bersegera/cepat pergi”.<sup>4</sup>

Hadis Nabi SAW:

صلاة الجمعة واجب على كل محتلم

**Maksudnya:** Solat jumaat wajib ke atas setiap yang telah bermimpi (baligh).<sup>5</sup>

Juga berdasarkan dalil Ijmak. Kata Ibn al-Munzir: Ulama ijmak bahawa solat jumaat adalah wajib kepada orang merdeka, baligh, yang mukim yang tidak keuzuran.<sup>6</sup>

Solat Jumaat mempunyai banyak hikmah. Di antaranya ialah ia menjadi medan perhimpunan penduduk negeri di satu masjid jamik, sekaligus boleh menjadi platform untuk ta'aruf, bermesyuarat, nasihat-menasihati, tolong-menolong dan lain-lain. Walaupun ia merupakan suatu kewajipan secara individu, tetapi pelaksanaannya disyaratkan dalam berjemaah. Maknanya, ia menjadi suatu syiar kesatuan dan kekuatan umat Islam dalam jumlah yang ramai setiap minggu. Ia juga menjadi syiar soladariti kepada pemimpin khasnya berdasarkan pandangan yang mensyaratkan kehadiran imam, naibnya (pihak kepimpinan) atau keizinannya. Malah menjadikan kehadiran dan keizinan itu sebagai syarat sah.

<sup>4</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 3:158, *al-Syarḥ al-Kabīr*, 5:157, Said bin Ali bin Wahf al-Qahtani, *Solah al-Jumu'ah fi Dau'i al-Kitāb wa al-Sunnah*, 8.

<sup>5</sup> Hadis riwayat al-Nasaie dengan sanad yang sahih berdasarkan syarat Muslim, 3:73.

<sup>6</sup> Muhammad bin Ibrahim bin al-Mundhir al-Naisaburi. *Al-Ijmāk*. (Dār al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzī', 2004), 40.

## 1) Persoalan Kajian

Berdasarkan tajuk yang diberikan, saya membahagikan perbincangan berdasarkan persoalan-persoalan seperti berikut:

- 1) Adakah perlu mendapatkan kebenaran atau keizinan pemerintah untuk melaksanakan Jumaat?
- 2) Adakah boleh melaksanakan Jumaat selain di masjid? Dengan kata lain adakah syarat pelaksanaan solat Jumaat mesti dilaksanakan di masjid?
- 3) Adakah boleh melaksanakan lebih dari satu Jumaat dalam satu kawasan atau kampung?

## 2) Perbincangan

### 2.1) Adakah Perlu Mendapatkan Kebenaran Pemerintah untuk melaksanakan solat Jumaat?

Dalam isu ini terdapat **dua (2) pandangan** ulama:-

**Pandangan pertama:** Menurut Imam al-Syāfi'i dan para Aṣḥāb: sunat untuk tidak melaksanakan Jumaat melainkan dengan izin sultan atau pembantunya.<sup>7</sup> Maknanya jika Jumaat didirikan tanpa izin imam atau tanpa kehadirannya, hukumnya harus dan jumaatnya sah. Cuma disebutkan oleh pengarang al-Bayan; bahawa beliau menyatakan bahawa berdasarkan *qaul qadīm* adalah tidak sah Jumaat melainkan di belakang imam (kehadiran imam) atau di belakang oleh yang diizinkan oleh pemerintah. Pandangan ini adalah *syaz* dan lemah. Ibnu Munzir menceritakan pandangan ini dari Mālik, Aḥmad, Ishāq dan Abu Thūr, Ibnu Ḥazm.

قَالَ الشَّافِعِيُّ فِي الْأُمَّ وَمُخْتَصِرِ الْمُزَبِّ تَصْحُّ الْجُمُعَةُ حَلْفَ كُلِّ إِمَامٍ صَلَّاهَا مِنْ أَمْيَرٍ وَمَأْمُورٍ  
وَمُتَعَلِّبٍ وَغَيْرِ أَمْيَرٍ قَالَ الشَّيْخُ أَبُو حَامِدٍ وَالْمَاوْرِدِيُّ وَالْأَصْحَاحُ أَرَادَ بِالْأَمْيَرِ السُّلْطَانَ  
وَبِالْمَأْمُورِ نَائِبَهُ وَبِالْمُتَعَلِّبِ الْخَارِجِيَّ وَبِغَيْرِ الْأَمْيَرِ آخَادَ الرَّعِيَّةِ فَتَصْحُّ الْجُمُعَةُ حَلْفَ جَمِيعِهِمْ ثُمَّ  
قَالَ الشَّافِعِيُّ بَعْدَ هَذَا صَلَّى عَلَيْهِ وَعَلَمَانُ مَحْصُورٌ

**Maksudnya:** Kata Imam al-Syāfi'i dalam kitab al-Umm dan Mukhtasar al-Mużānī: sah Jumaat di belakang semua imam yang melaksanakannya sama ada *amir* (pemerintah), *ma'mur* (pembantunya), *Mutaghallib* (pemberontak) atau bukan *amir* (bukan pemerintah). Kata al-Syaikh Abu Hamid, al-Mawardi dan al-Aṣḥāb: dimaksudkan dengan *amir* ialah pemerintah, *al-ma'mur* ialah naibnya, *al-mutaghallib* ialah pemberontak, *ghair amir* ialah mana-mana rakyat. Maka sah Jumaat di belakang mereka semua...

<sup>7</sup> Wizārah al-Awqāf. *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. (Kuwait, Dār al-Salāsil, 2010). 3:154

Kemudian Imam al-Syāfi'i mengatakan: 'Ali dan Uthman solat dalam keadaan di kepong.<sup>8</sup>

Dalil mereka:

Pertama: Berdasarkan umum ayat al-Quran surah al-Jumu'ah ayat 9:

إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ

Kedua: *Athar*:

عن عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَدَىٰ بْنِ خِيَارٍ، أَنَّهُ دَخَلَ عَلَى عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ وَهُوَ مُحْصُورٌ، فَقَالَ: إِنَّكَ إِمَامٌ عَامَّةٌ، وَنَزَلَ بِكَ مَا تَرَى، وَيُصْلِي لَنَا إِمَامٌ فِتْنَةً، وَنَتَحْرِجُ؟ فَقَالَ: الصَّلَاةُ أَحْسَنُ مَا يَعْمَلُ النَّاسُ، إِذَا أَحْسَنَ النَّاسُ فَأَخْسِنْ مَعْهُمْ، وَإِذَا أَسَأُوا فَاجْتَنِبْ إِسَاءَهُمْ.

**Maksudnya:** Daripada 'Ubaidullah bin 'Adi bin Khiyar, Saidina Ali RA telah masuk menemui Uthman bin 'Affan yang dalam kepungan. Kata Ali RA: (sesungguhnya kamu pemimpin umum, tetapi telah menimpa kamu apa yang kamu lihat sekarang, dan telah mensolatkan kita (menjadi imam) Imam fitnah (pemberontak), dan kami rasa tidak selesa?). Kata Uthman: Solat merupakan perkara yang paling baik dikerjakan manusia. Apabila manusia melakukan kebaikan itu, maka kamu berbuat baik (solat) bersama mereka, jika mereka berbuat buruk, maka jauhi keburukan mereka).

Cara berhujah: Sayidina 'Uthman bin 'Affan tidak memerintahkan Saidina 'Ali RA mengulangi solat, sekalipun yang menjadi imam solat ialah Kinānah bin Bisyr-salah seorang ketua pemberontak- dan tanpa izin Khalifah iaitu Saidina 'Uthman RA.

Ketiga: Qias kepada imam dalam solat yang lain.

Keempat: Orang yang memberontak dan keluar dari Imam hukumnya adalah harus solat di belakang mereka, maka mentaati imam itu lebih sepatutnya kerana harus solat di belakangnya.

Kelima: Solat Jumaat termasuk dalam hukum fardu ain, maka tidak disyaratkan keizinan imam sama seperti solat zohor.

**Pandangan Kedua:** Kata al-Hasan al-Baṣrī, al-Awzā'iy dan Abū Ḥanīfah juga salah satu *qaul* Ḥanbalī: tidak sah Jumaat melainkan di belakang pemerintah (kehadirannya) atau di belakang pembantunya atau dengan izinnya. Jika pemerintah meninggal dunia dan sukar untuk mendapat keizinannya, maka harus kepada kadi dan wali polis untuk melaksanakannya. Jika mampu meminta izin, maka tidak sah Jumaat tanpa keizinannya.

<sup>8</sup> Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī. *Al-Majmū' Sharh al-Muhadzdzab*. (Kaherah: Dār Idārah al-Tibā'ah al-Munīriyyah, 1929), 4:584.

Dalil mereka:

- 1) Mereka berhujah bahawa tidak didirikan pada zaman Nabi SAW sampailah sekarang melainkan dengan keizinan pemerintah atau pembantunya.
- 2) Lagipun jika Jumaat dilaksanakan tanpa keizinan pemerintah boleh membawa kepada fitnah.<sup>9</sup>
- 3) Mereka juga berhujah berdasarkan ijmak. Disebutkan dalam kitab *Nihāyah al-Āhkām*:

ويشترط في وجوب الجمعة السلطان أو نائبه عند علمائنا أجمع، معززاً بأن النبي ﷺ كان يعيّن الأئمة لإقامة صلاة الجمعة، كما يعيّن للقضاء. فكما لا يصح لشخص أن ينصب نفسه قاضياً من دون إذن الإمام فلا يجوز لأحدٍ أن ينصب نفسه إماماً لصلاة الجمعة. كما استدلّ بأن صلاة الجمعة تؤدي جماعة، والاجتماع مظنة التنازع، والحكمة تقتضي إثناء التنازع، ولا ينهى التنازع إلا سلطان. واشترط أن يكون عادلاً؛ لأن الفاسق لا يزيل التنازع؛ لتبغية أفعاله لقوته الشهوية، فليس هو محلاً للأمانة. كما استدلّ الححقق الأردبيلي على ذلك بالإجماع أيضاً.

**Maksudnya:** Disyaratkan pemerintah atau naibnya dalam kewajipan Jumaat menurut ulama kita keseluruhannya, berdasarkan hujah bahawa Nabi SAW melantik para imam untuk melaksanakan solat Jumaat, sebagaimana dalam pelantikan hakim. Sebagaimana tidak sah seseorang melantik dirinya menjadi kadi tanpa izin pemerintah, maka begitu juga tidak harus seseorang itu melantik dirinya untuk menjadi imam solat Jumaat. Sebagaimana mereka juga berhujah bahawa solat Jumaat dilaksanakan secara jemaah. Berkumpul menjadi medan terjadinya perbalahan, sedangkan hikmahnya menuntut supaya terhenti perbalahan dan tidak boleh terhenti perbalahan melainkan dengan sultan (kekuasaan). Disyaratkan juga pemimpin itu seorang yang adil, kerana imam fasik tidak boleh menghilangkan perbalahan kerana perbuatannya mengikut kekuatan nafsu syahwatnya. Maka dia bukannya oleh yang layak untuk diberikan kepercayaan. Sebagaimana dihujahkan oleh al-Muhaqqiq al-Ardibili dalam hal ini dengan ijmak juga.

- 4) Mereka berhujah dengan kata-kata Ḥasan al-Baṣrī bagi sesetengah menyangka ini hadis Nabi SAW:

أربعة إلى السلطان: الجمعة؛ والحدود؛ والقيء؛ والصدقات. وفيه: إنها من مختصاته، فلا يحق لأحد القيام بها دون حضوره أو إذنه.

<sup>9</sup>Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib, al-Mawardi. *Al-Āhkām al-Sulṭāniyyah*. (Al-Qāherah: Dār al-Hadīth, t.t.), 103. Abī Ya'lā. *Al-Āhkām al-Sulṭāniyyah*, 83-83, *al-Muqni'*, 1:249, *al-Tahawī 'alā Marāqī al-Falāh*, 278, *Hāsyiyah al-Dusūqī*, 1:384, *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 3:154.

**Maksudnya:** Empat perkara (kembali) kepada pemerintah: Jumuat, hudud, fai' dan zakat. (termasuk dalam empat perkara itu ialah solat Jumaat yang merupakan salah satu bidang kuasa khasnya, maka tidak berhak kepada sesiapa melaksanakannya tanpa kehadirannya atau keizinannya).

Dalam mazhab Ḥanafī, walaupun mereka mensyaratkan ada pemerintah atau keizinan pemerintah, tetapi mereka tidak mensyaratkan mereka adil melainkan ada riwayat dari Abū Yūsuf (al-Qādī).

قال السرخسي في المبسوط :تقديم الفاسق للإمامه جائز عندنا . ويكره عند مالك . والمراد بالكرهه هنا التحرير المقتضي للبطلان . ودليل الحنفية ما نسب إلى النبي "أنه قال : صلوا وراء كلّ بَرٍّ وفاجر؛ لأن الصحابة والتابعين كانوا لا يمتنعون من الصلاة خلف أمراء السوء ، فقد اقتدوا بالحجاج في صلاة الجمعة .

## 2.2 Adakah boleh melaksanakan Jumaat selain di Masjid?

Daripada soalan ini, boleh kita fahami bahawa masjid dan *muṣalla* (bukan masjid) adalah berbeza walaupun semuanya digunakan untuk solat. Kalimah masjid dan *muṣalla* memang disebutkan di dalam al-Quran dalam firman Allah SWT surah al-Baqarah:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَنَّا وَلَّحْدُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَهْدَنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ  
وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهِّرَا بَيْتِي لِلطَّاغِيَنَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرَّكِعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

Masjid ialah tempat yang disediakan atau dikhususkan untuk solat lima waktu secara berterusan dan diwakafkan.<sup>10</sup> Satu tempat akan menjadi masjid dengan keizinan umum kepada manusia untuk melaksanakan solat padanya, sama ada dia menyatakan dengan jelas atau tidak menurut apabila dia telah berniat untuk berwakaf menurut pandangan Imam Mālik<sup>11</sup> dan Imam Ahmad<sup>12</sup>. Berbeza dengan pandangan Abū Ḥanīfah<sup>13</sup> dan Imam Syāfiie.<sup>14</sup>

Satu-satu tempat akan jadi masjid apabila:

1) Ia diwakafkan, dan keluar dari pemilikan tuannya. Dalilnya ialah:

<sup>10</sup> Ibrāhīm bin Ṣāliḥ al-Khuḍairī. *Aḥkām al-Masājid fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. (Riyadh: Dār al-Fadhlīlah li al-Nashr, 2001), 1:11.

<sup>11</sup> Abū 'Amr Yūsuf bin Abdullah bin Muhammad bin Abd al-Bar al-Qurtubī. *Al-Kāfi fī Fiqh Ahli al-Kūfah*. (Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadīthah, 1980), 2:1013, *Jawāhir al-Iklīl*, 2:206.

<sup>12</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 5:603.

<sup>13</sup> Muhamad Amin Bin Umar Bin Abd Aziz 'Ābidīn al-Dimasyqī Ibn 'Abidīn al-Ḥanafīyy. *Rad al-Muhtār 'ala al-Dār al-Mukhtār*. (Beirut, Lubnān: Dār al-Fikr, 1966), 4:355.

<sup>14</sup> Shamsuddīn Muhammad Bin Ahmad Al-Khāṭib Al-Sharbīnī Al-Shafi. *Mughnī Al-Muhtāj Ilā Al-Ma'rifati Ma 'ānī Al-Alfāz Al-Minhāj*. (Mesir: Dār Al-Kutub Al-Islamiyyah, 1994), 2:381.

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِللهِ [الجن: ١٨] فَلَا يَكُونُ مَسْجِدًا إِلَّا خَارِجًا عَنْ مِلْكِ كُلِّ أَحَدٍ دُونَ اللهِ  
تَعَالَى لَا شَرِيكَ لَهُ<sup>١٥</sup>

- 2) Diizinkan dengan keizinan umum untuk solat dalamnya. Maknanya tidak dihalang sesiapapun untuk melaksanakan solat di situ.

- 3) Disediakan untuk melaksanakan solat lima waktu secara berterusan (bukan bertempoh).

Manakala *musalla* ialah tempat yang digunakan untuk melaksanakan solat yang tertentu (yang mendatang) seperti solat hari raya, jenazah dan lain-lain. Dan tidak diwakafkan untuk pelaksanaan solat lima waktu.

Ada **dua (2)** pandangan ulama dalam masalah ini:

Pandangan pertama: Kewajipan melaksanakan solat Jumaat secara berjemaah **tidak disyaratkan solat Jumaat tersebut dilakukan di dalam bangunan masjid mengikut kepada pandangan jumhur ulama**. Ini seperti para ulama' Hanafiyah, Syāfi'iyyah dan Hanabilah, mereka **tidak mensyaratkan untuk solat Jumaat diadakan di dalam masjid**.<sup>16</sup>

Menurut mazhab Syāfie, tidak disyaratkan dilaksanakan Jumaat di masjid. Harus melaksanakan di tanah lapang atau kawasan lapang dengan syarat ia termasuk dalam kawasan kampung atau termasuk dalam kawasan perancangan kampung (خطة). Jika solat dilaksanakan di luar kawasan balad atau kampung, maka tidak sah. Jika penduduk balad membina masjid di luar kawasan kampungnya, maka tidak harus mereka melakukan solat Jumaat kerana tidak bersambung dengan bangunan, maka ia tidak dikira sebahagian dari balad itu. Begitu juga tanah lapang di luar balad lebih-lebih lagi tidak sah. Hujahnya ialah Nabi SAW bersabda: (solat lah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat). Nabi SAW tidak pernah solat di luar balad.<sup>17</sup>

**Pandangan Kedua:** Menurut mazhab Mālikī, **solat hendaklah dilaksanakan di sebuah masjid yang selama mana digunakan untuk berjemaah**. Justeru tidak sah dilaksanakan di dalam rumah, di halaman rumah, di hotel atau di tanah lapang. Secara umum, solat tidak boleh dilakukan di tempat-tempat kotor seperti tandas dan tempat maksiat.<sup>18</sup>

Masjid disyaratkan **empat (4)** syarat iaitu:

- 1) **Berbentuk bangunan** dan bangunannya sesuai dengan adat serta kebiasaan setempat. Boleh di-diperbuat daripada buluh kayu dan sebagainya.
- 2) Masjid hendaklah **menyatu dan berhubung dengan kampung setempat**. Ini kerana solat Jumaat tidak boleh dilaksanakan kecuali menyatu/ bersambung dengan kampung.
- 3) Jika ada beberapa masjid, maka **yang sah untuk dijadikan tempat solat Jumaat adalah masjid tua ('atiq)** bukan yang lainnya. Maksud masjid tua ('atiq) ialah masjid yang pertama

<sup>15</sup> Ahmad bin Sa'īd bin Ḥazmi al-Andalūsī al-Qurtubī. *Al-Muḥallā bi al-'Athār*. (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 3:168.

<sup>16</sup> *Fatāwā Syar'iyyah Wa Buhūth Islāmiyyah*, 1:274.

<sup>17</sup> Muḥammad al-Zuhailī. *Al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syafī'i*. (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2011), 1:502.

<sup>18</sup> Wahbah al-Zuhailī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. (Jakarta: Darul Fikir, 2010), 2:388,391.

sekali didirikan solat Jumaat di dalamnya meskipun pembinaan lebih lambat/kemudian dari masjid-masjid lain.

**4) Tidak disyaratkan masjid memiliki atap menurut pendapat yang paling asah.** Tidak juga disyaratkan masjid tersebut selamanya digunakan untuk pelaksanaan solat Jumaat atau solat lima waktu.

Dalam mazhab Mālikī, **dibolehkan** solat di halaman masjid, di jalan-jalan menuju ke masjid yang bersambung dengan rumah-rumah, kedai-kedai, sama ada kerana masjid itu sempit dan barisannya saling berhubung ataupun tidak. Tetapi dihukum makruh solat di halaman masjid dan di jalanannya jika tidak dalam keadaan mendesak. **Tidak boleh** melaksanakan solat Jumaat di atas masjid, sekalipun masjid penuh dengan jemaah. **Tidak boleh** solat di tempat yang dilarang seperti tandas dan tempat mabuk.<sup>19</sup>

### 2.3) Bolehkah berbilang jumaat dalam satu *Balad*<sup>20</sup>, *Misr*<sup>21</sup> atau *Qaryah*?<sup>22</sup>

Salah satu syarat sah solat Jumaat ialah tidak didahului atau seiring dengan Jumaat dalam *baladah* atau *qaryah* yang sama melainkan kerana hajat atau keperluan.<sup>23</sup>

**Pandangan pertama:** Ulama yang mensyaratkan hanya dibenarkan satu Jumaat melainkan wujud keperluan ialah pandangan jumhur ulama yang terdiri daripada Mālikī, Syāfie dan Hanabilah.

Kata Ibni Qudāmah: Adapun jika tidak ada keperluan, maka tidak harus lebih dari satu. Jika cukup dengan dua, maka tidak harus yang ketiga, begitu juga jika lebih. Dan kami tidak mengetahui dalam hal ini sebarang perbezaan pandangan melainkan ‘Atā’ apabila ditanya tentang ahli Başrah yang pergi ke Masjid Akbar, Kata beliau: Setiap kaum boleh memiliki masjid untuk mereka berhimpun dalamnya...apa yang diutarakan oleh jumhur ulama adalah lebih utama (aula).. kerana tidak dinukilkan daripada Nabi SAW dan para Khulafā al-Rāsyidīn, bahawa mereka berkumpul lebih dari satu Jumaat kerana tidak ada keperluannya. Jika terdapat banyak Jumaat, maka yang lebih awal ihram itu yang sah. Melainkan jika Imam atau naibnya bersama Jumaat yang lain.<sup>24</sup>

<sup>19</sup> Wahbah al-Zuhailī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. 2:388,391.

<sup>20</sup> Balad bermaksud kawasan yang mempunyai kadi dan hakim dan terdapat pasar-pasar untuk berjual beli, qaryah ialah kawasan yang tidak terdapat perkara-perkara tersebut. Lihat Mustafa al-Khin et al. *Al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhāb al-Imām al-Syāfi’ī*. (Dimasyq: Dār al-Qalam, 1996), 203.

<sup>21</sup> Misr (juga disebut balad/mudun) (bandar) ialah setiap tempat yang mempunyai amir (pemerintah), kadi yang mana melaksanakan hukum dan menegakkan hudud. Ini menurut pendapat masyhur mazhab Ḥanafī. Tetapi berdasarkan pendapat yang difatwakan menurut kebanyakan ulama Ḥanafī, Misr ialah kawasan yang mana masjid terbesarnya tidak dapat memuatkan penduduknya yang wajib melaksanakan jumaat. Lihat Wahbah al-Zuhailī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. 2:1294.

<sup>22</sup> Ada juga ulama yang mengatakan bahawa terdapat 3 pandangan ulama dalam masalah ini iaitu pertama: tidak boleh secara mutlak ini merupakan pandangan Abu Hanifah, Mazhab Malik dan Imam al-Syafi’ī, kedua: diharuskan sekadar hajat. Ini merupakan pandangan mazhab al-Hanbali. Ketiga; boleh secara mutlak, ini merupakan mazhab Ḥanafī, ibn Ḥazmi, Daud dan al-Syaukani. Lihat Muhammad bin Ali bin Ibrahim Al Fai’. *Hukm Ta’addud al-Jumu’at fī al-Masjid al-Wahid*. Bil. 31, 1:351-353.

<sup>23</sup> Muhammad, Muhammad Muhammad Syabanah. *Al-Jumu’ah wa al-Khutbah Adab wa Ahkām*. (Al-Mansurah, Mesir: Dār al-Lu’lu’, 2021), 15, Wahbah al-Zuhaili. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 2:391.

<sup>24</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 3:213.

Di antara bentuk keperluan kepada berbilang Jumaat ialah masjid yang sempit yang tidak dapat menampung jemaah, wujud permusuhan yang ketara sehingga membawa kepada pergaduhan (الإقتتال) jika solat di masjid yang sama dan kebimbangan atau takut kepada musuh yang kafir atau orang zalim.<sup>25</sup>

قال الخرقى رحمه الله تعالى: وإذا كان البلد كبيراً يحتاج إلى جامع فصلاة الجمعة في جميعها جائزه.

**Maksudnya:** Kata al-Kharāqī RA: Apabila negeri besar dan perlu kepada banyak masjid jamik, maka solat Jumaat pada semuanya adalah harus.<sup>26</sup>

وقال الإمام ابن قدامة رحمه الله تعالى: وجملته أن البلد متى كان كبيراً، يشق على أهل الاجتماع في مسجد واحد، ويتعذر ذلك لتباعد أقطاره، أو ضيق مسجده عن أهله... جازت إقامة الجمعة فيما يحتاج إليه من جوامعها....

**Maksudnya:** Kata Ibni Qudāmah RA: secara umumnya jika negeri besar dan sukar untuk penduduknya berhimpun/berkumpul pada satu masjid sama ada keuzuran itu disebabkan faktor jauh, atau masjid tidak dapat menampung penduduknya...maka harus melaksanakan Jumaat berdasarkan keperluan pada beberapa masjid jamik).<sup>27</sup>

وقال شيخ الإسلام ابن تيمية رحمه الله: ... إقامة الجمعة في المدينة الكبيرة في موضعين للحاجة يجوز عند أكثر العلماء.

**Maksudnya:** Kata Syaikh al-Islam Ibni Taimiyyah RA: ..melaksanakan Jumaat di bandar yang besar di dua tempat kerana keperluan adalah harus menurut kebanyakan ulama.<sup>28</sup>

Menurut al-Qaḥṭānī, tidak boleh berbilang solat Jumaat dalam satu *qaryah* atau *balad* melainkan kerana hajat yang mendesak seperti *balad* yang luas sedangkan penduduknya ramai, atau masjid jamik jauh, atau sempit, atau takut fitnah, maka dibolehkan melaksanakan lebih dari satu Jumaat kerana keuzuran ini dan juga keuzuran lain yang menyukarkan manusia. Beliau juga berpendapat bahawa tidak disyaratkan keizinan pemerintah untuk melaksanakan Jumaat. Beliau bersetuju dengan pandangan al-‘Allāmah Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaimīn RA yang berpendapat bahawa keizinan sultan disyaratkan dalam kes berbilang Jumaat, tetapi untuk melaksanakan jumaat tidak disyaratkan keizinan sultan.<sup>29</sup>

<sup>25</sup> Muhammad Muhammad Syabanah, (2021), op.cit, 153.

<sup>26</sup> *Mukhtaṣar al-Kharāqī al-Matbū’ ma ’a al-Mughnī li Ibn al-Qudāmah*, 3:212.

<sup>27</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*. 3:212-213.

<sup>28</sup> Taqiyuddin Abū al-Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm Ibni Taimiyyah. *Al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taimiyyah*. (Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1987), 24:208.

<sup>29</sup> Sa’id bin ‘Ali bin Wahf al-Qaḥṭānī. *Ṣolat Jumu’at fī Daui al-Kitāb wa al-Sunnah*, (t.t: t.p), 57.

Dalil mereka:

1) Antara dalil yang digunakan oleh ulama Mâlikî yang mengharamkan berbilang Jumaat dan batal yang kedua ialah firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ احْكَلُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَقْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِمُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْخَسْنَى وَاللَّهُ يَشْهُدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ (١٠٧)

Kata al-Qurṭubî ketika mentafsirkan ayat ini: Ulama kita berpandangan adalah tidak harus membina masjid berdekatan dengan masjid yang lain, wajib merobohnya dan menghalang pembinaannya supaya jemaah masjid pertama tidak beralih ke masjid yang baru dan menjadi kosong. Melainkan tempat itu besar yang tidak boleh menampung dengan satu masjid sahaja. Maka pada ketika itu boleh dibina yang baharu. Begitu juga ulama berpendapat tidak boleh membina dua atau tiga masjid jamik. Malah wajib dilarang membina yang kedua. Barang siapa yang solat Jumaat padanya (masjid kedua), maka tidak dibolehkan. Nabi SAW telah membakar dan merobohkan Masjid Dirâr.<sup>30</sup>

2) Konsep kemudahan (*al-taysir*) dalam Islam. Mereka berhujah berdasarkan ayat-ayat dan hadis-hadis yang menganjurkan kemudahan.

Antaranya Firman Allah SWT dalam surah al-Haj ayat 78 dan surah al-Baqarah ayat 185:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

**Maksudnya:** Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلَا تُكِمِلُوا الْعِدَّةَ وَلَا تُكِبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَأَكُمْ وَلَا عَلَّكُمْ شَكُورُونَ ﴿١٨٥﴾

**Maksudnya:** (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarakan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

Hadis Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ<sup>31</sup>

<sup>30</sup> Al-Qurṭubî, Muḥammad bin Aḥmad. *Al-Jāmi' Li 'ahkām al-Qurān*. (Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 8:254.

<sup>31</sup> Al-Bukhārî, Muḥammad bin Ismā'īl. *Šaḥīḥ al-Bukhārî*. (Mesir: Sultāniyah, 1893), Bab al-Din Yusrun. Hadis No. 39. 1:16.

3) Dalil Qiyas. Diquiyaskan kepada solat Hari Raya. Solat Jumaat disyariatkan berkumpul atau berhimpun dan khutbah, maka dibolehkan berbilang Jumaat sekadar yang diperlukan sebagaimana solat hari raya.<sup>32</sup>

**Pandangan kedua:** Ulama Ḥanafī dan Ibni Ḥazm al-Zahiri, Daud al-Zahir dan al-Awzā'iy berpendapat bahawa boleh berbilang Jumaat walaupun tiada keperluan.

Dalil mereka:

1) Umum firman Allah SWT di dalam surah al-Jumu'ah ayat ke-9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ  
خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Cara berdalil: ayat ini datang dalam bentuk umum, tidak menghadkan tempat tertentu.<sup>33</sup>

2) Diquiyaskan kepada solat-solat yang lain yang mana boleh kepada ahli *balad* untuk melaksanakannya di mana-mana masjid mereka.<sup>34</sup>

3) Tidak terdapat dalil yang menghalang berbilang Jumaat.<sup>35</sup>

4) Mewajibkan pelaksanaannya di satu tempat akan menyusahkan.<sup>36</sup>

#### 4) Amalan Berkaitan Pelaksanaan Solat Jumaat di Negeri Selangor

Dalam “Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003”,

Bahagian Masjid, Seksyen 97(1):

Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan, atau menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bangunan, bagi perkara-perkara yang hanya boleh dilakukan di atau oleh masjid.

Seksyen 97(2)

Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

<sup>32</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 3:248, *al-Syarḥ al-Kabīr ‘alā al-Muqni’*, 2:190.

<sup>33</sup> Ibn Ḥazmi *al-Muḥallā*, 3:258.

<sup>34</sup> Muḥammad Asyraf bin Amīr bin ‘Ali bin Haidar Ābādī al-‘Aẓīm (1415H). ‘Aun al-Ma’būd Syarḥ Sunan Abī Dāud. (Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyyah), 3:270.

<sup>35</sup> Ibn ‘Abidīn al-Ḥanafīyy. *Rad al-Muhtār ‘ala al-Dār al-Mukhtār*, 2:145.

<sup>36</sup> Ibn ‘Abidīn al-Ḥanafīyy. *Rad al-Muhtār ‘ala al-Dār al-Mukhtār*, 2:145.

Seksyen 98(1)

Majlis boleh pada bila-bila masa

- (a) membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid;
- (b) membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid; atau
- (c) menetapkan mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain menjadi masjid.

Seksyen 98(2)

Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya atau membuat penetapan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

Seksyen 98(3)

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta menentukan atau meminda sempadan mana-mana kariah masjid.

## 5) Kesimpulan

Setelah melalui perbincangan di atas, maka beberapa fakta penting boleh disimpulkan seperti berikut:

- 1) Menurut jumhur ulama adalah sunat untuk mendapatkan keizinan pemerintah tetapi tidak menjadi syarat sah solat Jumaat.
- 2) Menurut jumhur ulama, adalah dibolehkan berbilang solat Jumaat jika ada keperluan.
- 3) Menurut jumhur ulama tidak disyaratkan solat Jumaat itu dilaksanakan di dalam masjid, bahkan boleh dilakukan di kawasan lapang selagi dalam kawasan kampung. Asasnya pelaksanaan itu dilakukan dalam kawasan perkampungan dan bukan luar kawasan kampung.

Maka dengan itu, berdasarkan **Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003**, yang memperuntukkan: Bahagian VII – Masjid, Seksyen 97, Tajuk, Sekatan tentang penubuhan Masjid dan penalti, 97(1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan, atau menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bangunan, bagi perkara-perkara yang hanya boleh dilakukan di atau oleh Masjid. 97(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Maka perbezaan pandangan ulama mengenai **isu mendapatkan keizinan melaksanakan solat Jumaat dari pemerintah** di atas telah terangkat dengan ketentuan atau undang-undang yang telah dipilih oleh pemerintah. Telah menjadi amalan di negeri Selangor berdasarkan peruntukan dalam

enakmen bahawa perlu mendapat keizinan majlis. Amalan ini adalah bersesuaian dengan prinsip siasah *syar'iyyah*. Ini adalah berdasarkan kaedah<sup>37</sup> حکم الحاکم یرفع الخلاف. Maksudnya: hukuman atau ketentuan hakim mengangkat khilaf (perbezaan pandangan). lebih-lebih lagi dalam perkara yang mendarangkan kemaslahatan kepada rakyat. Ini berdasarkan kaedah تصرف الإمام على الرعية (منوط بالصلحة)<sup>38</sup>.

Hukum yang sama juga berlaku tentang **berbilang Jumaat** dalam satu kampung juga adalah berdasarkan penilaian pemerintah. Dalil tambahan bagi menyokong perkara ini ialah keputusan Nabi SAW ketika berurusan dengan penubuhan Masjid Dirār. Maknanya, mana-mana masjid yang memiliki **4 elemen** iaitu: *Dhiraran, Kufran, Tafriqan, Irsodan* harus dipantau kewujudannya.

Manakala **isu pelaksanaan solat Jumaat di selain masjid tidak menjadi masalah** kerana pelaksanaan solat Jumaat tidak disyaratkan dilaksanakan dalam masjid. Maknanya pemerintah boleh membenarkan pelaksanaan solat jumaat walaupun di selain masjid seperti surau, *muṣallā*, balai saf dan lain-lain jika dilihat perlu. Sebaliknya pemerintah juga boleh tidak membenarkan pelaksanaan solat Jumaat kedua walaupun di masjid jika dilihat tidak ada kemaslahatan.

<sup>37</sup>Ahmad bin Muhammad Makkī, Syihabuddīn al-Ḥanafī. *Gamz ‘Uyūn al-Baṣāir fī Syarḥ al-Asybah wa al-Naẓāir*. (Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1985), 3:113.

<sup>38</sup>‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī. *Al-Asybah wa al-Naẓāir*. (Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1990), 1:121.

## Rujukan

- Abū Zakariyyā, Muhyī al-Din bin Sharaf al-Nawawī. *Al-Majmū’ Sharh al-Muhadzdab*. (Kaherah: Dār Idārah al-Tibā’ah al-Munīriyyah, 1929M/1348H)
- Abu al-Hassan, Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Habib, al-Mawardi *al-Ahkam al-Sultaniah*, al-Qaherah: Dar al-Hadith. (t.t).
- Abu Muhammad, Abdullah bin Aḥmad bin Muhammad Ibn Qudāmah, *al-Mughni li Ibn al-Qudāmah*, Maktabah al-Qaherah. (1968).
- Abu al-Qasim, Umar bin al-Husain bin Abdullah al-Khiraqi, *Matan al-Khiraqi ala Mazhab Abi Abdullah Aḥmad bin Hanbal al-Syaibani*, Dar al-Sohabat li al-Turath. (1993).
- Aḥmad bin Muhammad bin Ismail al-Tahtawi al-Ḥanafī al-Tahtawi. ‘ala Maraqi al-Falah Syarh Nur al-Idhah, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. (1997).
- Aḥmad bin Said bin Ḥazmi al-Andalusi al-Qurtubī. *Al-Muhalla bi al-'Athar*, Beirut: Dar al-Fikr. (t.t).
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin Abd al-Aziz ‘Abidin. *Rad al-Muhtar ‘Ala al-Durr al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr. (1992).
- Ibrahim bin Soleh al-Khudhairi. *Ahkam al-Masajid fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Riyadh: Dar al-Fadhilah li al-Nasyr. (2001).
- Majduddin, Abu Tahir Muhammad bin Ya’kub al-Fairulabadi. *al-Qamus al-Muhith*, Cet:8, Beirut: Muassasah al-Risalah. (2005).
- Muhammad bin Aḥmad bin Arafah al-Dusuqi al-Mālikī. *Hasyiyah al-Dusuqi ‘Ala al-Syarh al-Kabir*, Dar al-Fikr. (t.t).
- Muhammad bin Mukram bin Ali, Abu al-Fadhl Jamaluddin Ibni Manzur, *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar Sodir. (1414H).
- Muhammad al-Zuhaili. *al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syāfie*, Dimasyq: Dar al-Qalam. (2011).
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Syāfie*. Dimashq: Dar al-Qalam. (1996).
- Muhammad bin Ali bin Ibrahim. *Al Fai’Hukm ta’addu al-Jumuat fi al-Masjid al-Wahid*. (t.t).
- Muhammad, Muhammad Muhammad Syabanah, *Al-Jumuah wa al-Khutbah Adab wa Ahkam*, al-Mansurah Mesir: Dar al-Lu’lu’. (2021).
- Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja’fi. *al-Jami al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah SAW wa Sunanuhu dan wa Ayyamuhu*, Sahih al-Bukhari, bab al-Din Yusrun, Dar Tauq al-Najah. (1522H).
- Muhammad Asyraf bin Amir bin Ali bin Haidar Abadi al-’Azim, *Aun al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Daud*, Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiah. (1415H).
- Muhammad bin Ibrahīm bin al-Mundhir al-Naisabūrī. *Al-Ijmāk*. Dār al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzi’. 2004.
- Al-Qurtubī, Abu Abdullah, Muhammad bin Aḥmad, *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*, al-Qaherah: Dar al-Kutub al-Misriah. (1964).
- Al-Qurtubī, Abu ‘Amr, Yusuf bin Abdullah bin Muhammad bin Abd al-Bar, *al-Kafi fi Fiqh Ahli al-Kufah*, Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah. (1980).
- Said bin Ali bin Wahf al-Qahtani, *Solat Jumuat fi Dhau al-Kitab wa al-Sunnah*, t.t: t.p. (1422H).
- Shamsuddin Muhammad bin Aḥmad al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj Ilā Makrifah Maani Alfaz al-Minhaj*, Dar al-Kutub al-Ilmiah. (1994).

Syihabuddin al-Ḥanafī, Aḥmad bin Muhammad Makki, *Gamz Uyun al-Basoir fi Syarh al-Asybah wa al-Nazoir*, Dar al-Kutub al-Ilmiah. (1985).

Al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abu Bakr, *al-Asybah wa al-Nazoir*, Dar al-Kutub al-Ilmiah. (1990).

Taqiyuddin Abu al-Abbas Aḥmad bin Abd al-Halim Ibn Taimiyyah, *al-Fatawa al-Kubra li Ibn Taimiyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. (1987).

Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dimasq: Dar al-Fikr. (1997).

Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Kuwait: Dar al-Salasil. ,(1404-1427),